



Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

**MENYUSUR DENAI KERUING**  
**11 Jul 2011**  
**Kosmo**  
**Kosmo 2**  
**N/A**  
**Daily**  
**115,967 / 406,000**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**21to23**  
**2419 cm<sup>2</sup>**  
**Full Color**  
**21,032**  
**63,097**





Kekayaan spesies flora dan fauna yang dipelihara oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) membolehkan generasi semasa dan akan datang mempelajari kepentingan memperjuangkan nasib alam semula jadi.

Oleh WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI

**S**EMPENA sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 11 Jun lepas, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menganjurkan aktiviti meneroka denai paling popular FRIM iaitu Denai Keruing.

Bersama jurupandu alam semula jadi terlatih yang hanya mahu dikenali sebagai Farhad, hentian pertama kumpulan yang menyertai aktiviti ini ialah sungai kecil yang menjadi tempat tinggal tiga ekor Arapaima gigas.

Ikan itu dikatakan tidaklah terlalu besar iaitu sekitar dua meter dan lebih jinak berbanding 'saudaranya' di habitat asal di Amerika Selatan.

Menurut Farhad, arapaima liar di Sungai Amazon lebih ganas malah, boleh melompat tinggi sehingga 1.5 meter untuk menangkap monyet dan burung sebagai makanan.

Di FRIM, kecantikan tiga ekor karnivor itu yang hitam berkilat dengan bintik-bintik oren terang boleh dilihat jelas. Justeru tidak hairanlah ikan yang gagah itu disangkakan sebagai naga hingga mewujudkan kisah tempatan Legenda Naga Tasik Chini.

"Ikan ini tidak boleh membiak di sini, kerana sungai ini tidak mempunyai pasir," jelasnya sambil menjelaskan bahawa kehadiran spesies ikan luar boleh menyebabkan spesies tempatan atau endemik diancam risiko kepupusan.

#### Buluh gergasi

Kira-kira 10 meter dari lokasi ikan itu, kami tiba di pintu masuk denai dan diperkenalkan dengan dua rimbunan pokok yang sangat besar dan mempunyai sejarah tersendiri iaitu pokok ara dan pokok buluh gergasi.

Buluh gergasi itu asalnya ditanam pada tahun 1927, dengan tujuan menggunakan ruas-ruas buluh sebagai tabung semaian anak pokok. Ini adalah

sebelum kewujudan tabung beg polietena hitam.

Menariknya, rumpun buluh itu berjaya membesar dengan subur hingga panjangnya mencecah 25 meter dengan lebar garis pusat berukuran 16.8 sentimeter.

Bagaimanapun, ia dikatakan boleh membesar lagi kerana spesies yang sama di Peradiniya, Sri Lanka, boleh tumbuh sehingga ketinggian 36 meter tinggi dengan garis pusat sebatang buluh menjangkau 25 sentimeter. Malah, rumpunnya juga sangat besar sehingga mempunyai di antara 300 hingga 400

batang di dalam rumpun itu.

Buluh gergasi itu juga boleh berbunga, walaupun mengambil selang waktu yang sangat panjang, biasanya di antara 50 hingga 120 tahun.

Rumpun istimewa di FRIM pernah berbunga pada tahun 1951 dan berbunga semula sekitar tahun 1988 dan 1995.

Denai itu juga mempunyai pokok kulim dan pokok simpoh gajah. Pokok kulim misalnya mempunyai daun yang berbau seakan-akan bawang putih dan pucuknya enak dimakan sebagai ulam.

Meskipun, pokok kayu itu kurang

berpotensi untuk dikomersialkan sebagai balak, buahnya masih digunakan dalam masakan tradisional, terutama oleh masyarakat pribumi yang menggunakannya sebagai bahan tumis.

Pokok simpoh gajah yang ditemui bersebelahan, mempunyai posisi akar jangkang yang benar-benar kelihatan seperti gajah. Kehadiran akar jangkang menunjukkan spesies itu berasal daripada keluarga bakau Rhizophora, dengan ciri utama batang yang sedikit berongga menjadikannya amat sesuai digunakan sebagai kayu arang atau rakit. ➡

## Khazanah hutan di denai terindah

Headline **MENYUSUR DENAI KERUING**  
 Date **11 Jul 2011**  
 MediaTitle **Kosmo**  
 Section **Kosmo 2**  
 Journalist **N/A**  
 Frequency **Daily**  
 Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
 Page No **21to23**  
 Article Size **2419 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 ADValue **21,032**  
 PRValue **63,097**



WOW SPOT iaitu kanopi hutan yang dikenali sebagai Crown Shiners ini hanya boleh didapati di dua lokasi di dunia iaitu di Institut FRIM dan Irian Jaya, Indonesia.



INILAH rumpun buluh gergasi yang menjadi tarikan di Denai Keruing.

#### ◀ Panorama Avatar

Kurang 10 minit menyusuri Denai Keruing, kami terhenti sebentar ekoran terpesona dengan pemandangan hutan menakjubkan di lembah bukit yang sedikit terbuka.

Panorama *The View* itu juga dikenali sebagai *Avatar View* kerana ia kelihatan seperti latar belakang filem grafik *Avatar* tetapi lebih cantik, hidup dengan warna terang dan semula jadi.

Hakikatnya, ia sebenarnya sebahagian daripada kelompok pokok spesies tertentu yang ditanam sejak tahun 1929 dan kelompok yang membentuk Avatar View ialah pokok kapur.

Di lokasi berdekatan, Farhad menunjukkan dua batang pokok besar yang terkenal dengan nilai ekonomi iaitu merbau dan karas. Merbau yang merupakan balak kayu keras sukar didapati kerana pertumbuhannya yang terlalu perlahan. Tetapi itulah juga keistimewaan kerana pertambahan perlahan itu menyebabkan kayunya sangat keras, kukuh dan mahal sehingga memecah harga RM900 sekilogram.

Karas pula menghasilkan resin gaharu yang sangat penting dalam dunia kecantikan. Resin paling berkualiti bergantung kepada kepekatan boleh memecah harga RM100,000 sekilogram.

Mendapatkan resin gaharu bagaimanapun tidak mudah, sekiranya tersalah cara, kualiti resin yang terhasil akan merosot. Di laluan Denai Keruing juga, pelawat diperkenalkan dengan pokok akar beluru atau *Liana sp.* iaitu tumbuhan bercirikan simpulan batang yang seakan-akan arca semula jadi.

Menariknya, akar itu sangat berguna untuk mereka yang sesat di dalam hutan. Seperti dalam filem-filem aksi hutan ala Rambo, terdapat spesies tertentu pokok liana yang mengandungi air.

Farhad menjelaskan bahawa sebahagian daripada spesies pokok itu sebenarnya mempunyai air yang beracun.

"Jangan minum air yang tidak cukup jernih atau pun uji terlebih dahulu dengan menyapu sedikit di bibir dan hanya minum jika ia tidak menyebabkan kegatalan atau alahan," tegasnya.

Secara tradisi, kulit batang liana digunakan sebagai syampu dan masih digunakan oleh masyarakat orang asli kini.

Selepas meninggalkan juntai pokok Liana, kami berjalan lagi menyusuri



POKOK-POKOK kapur yang ditanam serentak sejak lebih 80 tahun lalu telah membentuk hutan dengan pemandangan yang indah bagaikan panorama salah satu babak filem *Avatar* arahan James Cameron.



AIR terjun yang boleh menjadi lokasi untuk rekreasi untuk membasahkan badan.

suri denai sambil menikmati keindahan hutan matang dengan nyanyian cengkerik, riang-riang, burung dan katak.

Ketika melalui lereng bukit yang agak sempit, Farhad menghentikan kami di sebatang pokok besar yang mempunyai banyak cecair kental putih iaitu pokok jelutong.

Aliran cecair itu ialah getah jelutong yang terhasil apabila batangnya dilukakan. Menariknya, getah jelutong telah lama digunakan oleh masyarakat asli sebagai gula-gula getah (*chewing gum*).

Ketika kami leka mencungkil dan

merasa getah jelutong, Farhad memanggil kami untuk melihat beberapa helaian dedaun kering di atas tanah, sambil mencangkung. Kami mencari daun-daun kering yang serupa dan menderaikannya dengan tangan. Nyata daun kering itu menghasilkan bau yang segar dan kuat.

Ketika menerangkan ciri fizikal pokok dengan kulit kelihatan mengelupas dan batang yang lurus menegak tanpa cabang bak payung, barulah kami menyedari bahawa inilah titik FRIM Wow Spot yang terkenal serata dunia.

Di titik ini, sesiapa yang mendongak ke atas pasti akan teruja keseronokan ekoran terpegun dengan keindahan kanopi yang mana pucuk dedaunan dari sebatang pokok tidak menyentuh pucuk pokok yang lain.

Justeru, pengunjung dapat melihat rupa langit seakan-akan rekahan tanah liat yang kering atau pun sayur brokoli. Terdapat banyak teori yang cuba menjelaskan fenomena itu, termasuk, sejenis gas yang terhasil apabila dedaunan itu bersentuhan ketika angin kencang akan membunuh pucuk jirannya.

Apa pun, fenomena itu hanya berlaku di hutan matang terancang seperti di FRIM iaitu hutan pokoknya ditanam dengan syarat spesies yang ditanam mesti sama, pada waktu yang sama dan jarak yang seragam. - Bernama

#### Info

##### Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

- Kawasan di Kepong, Selangor ini terletak di antara dua laluan utama Kuala Lumpur utara iaitu Jalan Ipoh dan laluan Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2).
- Kawasan bekas lombong itu berubah menjadi pusat penyelidikan perhutanan sejak tahun 1929 dan kini merupakan antara santuari tumbuhan hidup tertua dan terpenting dunia.
- FRIM memiliki sekitar 15 juta batang pokok daripada 2,500 spesies yang berlainan dan melindungi kira-kira 100 spesies tumbuhan terancam.
- Sesuai dengan status destinasi pelancongan dan pendidikan alam utama negara, taman hutan dan air terjun FRIM sering menjadi lokasi pilihan aktiviti riadah dan rekreasi.
- Antara kemudahan lain yang disediakan adalah muzium dan galeri, pusat pendidikan alam, tapak perkhemahan dengan kemudahan lengkap serta cawangan restoran Tu Dia Pak Tam yang sangat popular di Selayang.
- Pada awal 2008, laluan Denai Razak sepanjang 400 meter bertemakan Kekayaan Diversiti Tumbuhan Paras Bawah Malaysia telah dilancarkan dan ia adalah satu-satunya denai pendidikan alam mesra orang kelainan upaya (OKU) di Malaysia.
- Laluan Denai Alam Salleh yang lebih kecil pula menonjolkan sejarah FRIM dan membolehkan pelawat membezakan hutan ladang daripada hutan semula jadi. Denai Engkabang pula adalah tanah lembap yang diliputi lajang, belukar dan hutan sekunder.
- Denai Sebasah pula menonjolkan cara adaptasi unik pelbagai spesies tumbuhan terhadap keadaan basah, malah menampilkan beberapa ekosistem terkaya negara dan popular dengan kehadiran burung migrasi.